

07 AUG 1996

Kemahiran

PERTANDINGAN JOHAN KEMAHIRAN MALAYSIA KETUJUH BERMULA JUMAAT INI

KUALA LUMPUR, 7 Ogos (Bernama) -- Kementerian Kerja Raya akan menganjurkan pertandingan Johan Kemahiran Malaysia Ketujuh yang akan berlangsung selama lima hari mulai Jumaat ini.

Pertandingan itu akan diadakan di Maktab Perguruan Teknik Cheras dan di Hotel Institut Teknologi Mara (ITM), Shah Alam, kata Pegawai Kanan Perhubungan Awam Kementerian Azizah Mohd Radzi dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Menurut beliau, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka menyampaikan Anugerah Tangan Emas pada hari penutup iaitu pada 13 Ogos ini. Pertandingan ini akan dirasmikan oleh Menteri Kerjaraya, Datuk Seri S.Samy Vellu.

"Antara kategori yang akan dipertandingkan ialah kategori belia yang merangkumi 21 jenis kemahiran, seperti penerapan bata dan pemasangan paip," katanya.

Menurut Azizah, dalam kategori terbuka pula 14 jenis kemahiran akan dipertandingkan termasuk pendawaian, elektronik pengguna dan kimpalan.

Sementara itu, sebanyak lapan pasukan akan mengambil bahagian dalam bidang Automobil bagi acara berpasukan, katanya.

Menurut beliau, pemenang bagi kategori belia juga layak dipertimbangkan untuk mewakili negara dalam pertandingan Olimpik Kemahiran Belia Antarabangsa.

Pertandingan tahunan itu akan dirasmikan oleh Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu. -- BERNAMA

KLS WAT